

PROGRAM USAHAWAN BAGI MEMPERKASAKAN EKONOMI GOLONGAN ASNAF: PEMANTAUAN DARIPADA APLIKASI MYEMA

Azman A.R¹, Mohamad Yazis Ali Basah²,
Mohammad Noorizzuddin Nooh³, Mahdhir Abdullah⁴,
Ahmad Anis Mohd Fauzi⁵, Mohd Faez Abu Bakar⁶



ABSTRACT

Zakat institutions nowadays have played an important role in ensuring that every eligible asnaf used the aid wisely. The paradigm shift that has been done by some of the zakat institution ensuring the asnaf could be removed from the group and became a giver. For example, the fund management has undergone a transformation process until develop the entrepreneur asnaf program. The objective of this research is to analyze the asnaf entrepreneur program in Selangor and Kuala Lumpur and issuing a model for the asnaf entrepreneurship development program and discussing monitoring by using MyEma Apps. This research has

¹ Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. E-mail: azman@usim.edu.my

² Pensyarah Kanan, Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. E-mail: yazis@usim.edu.my

³ Pensyarah Kanan, Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. E-mail: noorizzuddin@usim.edu.my

⁴ Pensyarah Kanan, Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. E-mail: mahdhir@usim.edu.my

⁵ Pensyarah, Fakulti Syariah dan Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. E-mail: ahmadanis@usim.edu.my

⁶ Pelajar Sarjana, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. E-mail: alfaez25@yahoo.com

choose these two states based on following factors. These two states are the earliest to run the asnaf entrepreneurship program, the high capital allocation for the asnaf entrepreneurship program and success to produce asnaf entrepreneur from the group of recipient to the giver of zakat. This qualitative research using library and observation method to collect data. Method of interview conducted with officers in Lembaga Zakat Selangor (LZS) and group research in Selangor. The finding showed that asnaf entrepreneur program very valuable and highly impact to the asnaf because of the program will be able to enhance the economy of asnaf and the asnaf can contributing towards high-income economy. Researchers hope that this research can make structural asnaf development program have a specific model that can be used in every institution of zakat that have not run entrepreneur development programs. Entrepreneurial development program should be done by the zakat institutions that not have the program. They should make this model as the structure of the program and also use MyEma as an instrument for monitoring sector.

Keywords: Entrepreneur, Asnaf, Zakat, Zakat Distribution, Business Model

ABSTRAK

Institusi Zakat pada masa kini telah memainkan peranan penting bagi memastikan setiap asnaf yang layak menerima bantuan dapat menggunakan bantuan tersebut sebaiknya. Anjakan paradigma yang telah dilakukan oleh beberapa pusat zakat dalam memastikan penerima bantuan zakat dapat dikeluarkan daripada golongan tersebut lalu menjadi sebagai pemberi zakat. Sebagai contoh, pengurusan dana tersebut telah melalui proses transformasi sehingga teretusnya program usahawan asnaf. Objektif kajian ini adalah untuk menilai program keusahawanan asnaf di negeri Selangor dan Kuala Lumpur serta mengeluarkan satu model produktif pembangunan keusahawanan asnaf dan membincangkan pemakaian aplikasi MyEma sebagai instrumen untuk pemantauan. Sampel kajian ke atas dua negeri tersebut berdasarkan beberapa faktor iaitu antara negeri terawal yang melakukan program keusahawanan asnaf, peruntukan pemberian zakat berbentuk modal perniagaan yang tinggi dan kejayaan

mengeluarkan usahawan asnaf daripada kelompok asnaf sehingga menjadi pembayar zakat. Kajian kualitatif ini menggunakan metode perpustakaan dan observasi untuk mengumpul data. Metode temubual dijalankan terhadap pegawai di Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan kumpulan kajian di kawasan Selangor. Hasil kajian mendapati program usahawan asnaf amatlah tinggi nilainya serta memberi impak yang sangat berkesan kepada taraf ekonomi asnaf kerana program ini dapat mengeluarkan diri mereka daripada kelompok asnaf dan seterusnya dapat memberi rangsangan kepada ekonomi negara dan membantu ke arah ekonomi yang berpendapatan tinggi. Diharapkan institusi zakat yang masih belum menjalankan program pembangunan keusahawanan asnaf dapat menjadikan model yang dibangunkan ini sebagai struktur program tersebut di samping mengguna pakai aplikasi pemantauan MyEma sebagai instrumen bagi sektor pemantauan.

Kata kunci : *Usahawan, Asnaf, Zakat, Agihan Zakat, Model Perniagaan*

PENDAHULUAN

Usahawan adalah seseorang yang mencari peluang dan mencipta sebuah organisasi untuk menguruskannya (William. D.B. et al. 1991). Ini bermaksud, usahawan adalah seorang yang bercirikan inovatif, pandai mencari peluang serta berani untuk menanggung risiko. Anjakan paradigma yang telah dilakukan oleh beberapa institut zakat di Malaysia telah memainkan peranan dalam merancakkan lagi ekonomi golongan asnaf. Antara institut zakat yang memulakan langkah untuk membangunkan ekonomi asnaf bercorakkan program keusahawanan asnaf adalah Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan juga Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). Pemberian modal perniagaan kepada golongan asnaf adalah satu lonjakan baharu yang telah dilakukan oleh LZS dan MAIWP dalam mengagihkan dana zakat. Dengan pemberian modal perniagaan ini, golongan asnaf boleh memanfaatkan modal perniagaan ini dengan menceburkan diri dalam bidang perniagaan sehingga mereka mampu untuk menjana pendapatan sendiri tanpa mengharap bantuan zakat. Walaubagaimanapun, tiada satu model khusus yang dibangunkan untuk dijadikan sebagai rujukan dalam melaksanakan agihan dana zakat dalam bentuk sumbangan modal. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti

kaedah pengurusan institusi zakat yang telah menjalankan program pembangunan keusahawanan asnaf. Kajian ini juga akan melihat dan menilai program pembangunan ekonomi yang telah dilakukan oleh LZS dan juga MAIWP serta menganalisis jenis perniagaan yang telah dijalankan oleh para penerima zakat berbentuk modal perniagaan.

Kajian lepas menunjukkan program keusahawanan asnaf amat perlu diadakan oleh setiap institusi zakat di Malaysia. Kajian yang telah dilakukan oleh Zakaria Bahari (2011) melalui artikel *Transformasi Fakir Miskin Daripada Penerima Zakat Sara Diri Kepada Penerima Zakat Produktif* di Pusat Urus Zakat (PUZ) di bawah kelolaan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) telah membahaskan beberapa perkara dalam memastikan asnaf zakat tidak hanya menjadi penerima zakat saban tahun, malah mereka mampu menambah keupayaan dalam meningkatkan pendapatan kehidupan melalui wang zakat yang diterima. Artikel ini juga menekankan bahawa antara punca asnaf zakat tidak dapat keluar daripada daerah kemiskinan ialah kerana mereka kurang menguasai ilmu-ilmu keusahawanan, kurang pengalaman dan kurang kemahiran serta kreativiti dalam mengeluarkan sesuatu produk yang boleh dipasarkan.

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian ini melibatkan kualitatif yang berkaitan dengan kajian lapangan dan kajian perpustakaan. Data primer diperolehi dengan menggunakan metode temu bual secara bersemuka (*face-to-face*) bersama pakar dalam bidang zakat khususnya mereka yang terlibat secara langsung dengan pentadbiran dan pengurusan hukum zakat, mereka terdiri daripada informan-informan daripada Institusi Zakat Negeri. Metode kumpulan kajian secara berkumpulan (*focus group*) bersama penerima-penerima bantuan zakat khususnya dalam kumpulan penerima modal zakat perniagaan juga dijalankan. Melalui kaedah teoretikal ini, kajian perpustakaan dilakukan untuk mengumpul maklumat awal mengenai latar belakang kajian iaitu meneliti dan mengenalpasti model pembangunan keusahawanan khususnya keusahawanan Islam yang terdapat di Malaysia. Sumber sekunder juga akan dikaji melibatkan kajian terhadap buku-buku keusahawanan, artikel ilmiah, jurnal, latihan-latihan ilmiah serta kertas kerja persidangan dan maklumat daripada laman sesawang rasmi. Data-

data ini diambil daripada pelbagai perpustakaan di Institusi Pengajian Tinggi Awam IPTA Malaysia.

Data-data yang telah diperolehi melalui proses temu bual dan kajian secara berkumpulan tersebut akan dianalisis menggunakan pendekatan berikut:

1. Data-data temu bual dan kajian secara berkumpulan akan dibuat transkripsi dalam masa terdekat iaitu ditaip dengan lengkap sejurus selepas temu bual supaya memudahkan proses menganalisis.
2. Data-data tersebut kemudiannya dianalisis secara manual melibatkan proses pengkategorian data, pengekodan data mengikut tema dan sub tema tertentu yang dibina oleh penulis.
3. Akhirnya satu analisis lengkap beserta dapatan kajian akan dikemukakan dalam bentuk laporan secara deskriptif.

DAPATAN KAJIAN

Pengurusan Program Pembangunan Ekonomi Oleh Lembaga Zakat Selangor

Lembaga Zakat Selangor telah ditubuhkan dibawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 melalui Surat Ikatan Amanah (*Trust Deed*) yang didaftar pada 2 Oktober 2006 di bahagian Undang-undang Jabatan Perdana Menteri. Objektif utama penubuhan LZS adalah untuk, memperkasa pengurusan institusi zakat, memaksimumkan potensi kutipan zakat, menangani dan membasmi kemiskinan, meningkatkan syiar Islam dan membangunkan sosioekonomi ummah serta memberi perkhidmatan pelanggan yang berkualiti (Sayifullah Masiron, Temubual, 1 Julai 2013). Oleh itu, pengurusan yang cekap amat dititikberatkan oleh LZS dalam urusan pungutan dan pengagihan dana zakat. Dengan pengurusan yang amanah, telus dan cekap, dana zakat dapat diagihkan kepada golongan asnaf. Mekanisme agihan zakat di Selangor memberikan penekanan kepada lima program khusus iaitu program pembangunan sosial, program pembangunan pendidikan, program pembangunan Institusi Agama, program pembangunan insan dan program pembangunan ekonomi (Laporan pengurusan Zakat Selangor, 2013). Melalui program pembangunan ekonomi, bantuan disediakan dalam usaha membantu asnaf menjalani kehidupan yang seimbang sekaligus membantu mereka keluar daripada kepompong kemiskinan. Bantuan yang disediakan berbentuk bantuan modal kepada

asnaf fakir, miskin dan muallaf yang berpotensi menjadi usahawan iaitu bantuan memulakan dan mengembangkan perniagaan. Asnaf yang menerima bantuan melalui konsep ini akan menjalani kursus pra kelulusan bantuan modal, kursus pengurusan perniagaan dan latihan kemahiran. Melalui kursus-kursus tersebut para asnaf akan didedahkan dengan asas-asas keusahawanan, asas-asas penyediaan penyata kewangan, pengoperasian serta pemasaran perniagaan (Sayifullah Masiron, Temubual, 1 Julai 2013).


Laporan pengurusan Zakat Selangor 2013 menunjukkan program pembangunan sosial dan program pembangunan pendidikan merupakan antara program yang terbanyak menerima dana zakat iaitu masing-masing sebanyak 53.7% dan 31.1% pada tahun 2013, dan sebanyak 47% dan 40% daripada jumlah dana pada tahun 2012. Manakala, program pembangunan institusi agama dan program pembangunan insan diagihkan masing-masing sebanyak 5.4% dan 5.5% pada tahun 2013 dan sebanyak 4% dan 5% pada tahun 2012. Bagi program pembangunan ekonomi pula, jumlah agihan pada tahun 2012 adalah sebanyak 4% dan ianya meningkat pada tahun 2013 dimana jumlah agihan sebanyak 4.3% sahaja (Laporan Pengurusan Zakat Selangor, 2012 dan 2013). Ini menunjukkan bahawa program pembangunan ekonomi merupakan strategi yang digunakan oleh LZS dalam mencapai hasrat untuk mentransformasikan zakat sara diri kepada zakat produktif. Dalam usaha untuk memantapkan lagi program pembangunan ekonomi, LZS turut menubuhkan Kumpulan Usahawan Asnaf Zakat (KUAZ) yang dianggotai oleh asnaf yang pernah menerima bantuan modal daripada LZS. Melalui KUAZ, LZS bertindak memantau dan menjaga kepentingan ahli di samping membantu mempromosi serta menjenamakan produk keluaran asnaf tersebut (Makhtar, A.S. 2007).

Analisis Jenis Perniagaan di Selangor

Rajah 1 menerangkan jenis bantuan terbesar di bawah Program Pembangunan Ekonomi oleh LZS di negeri Selangor bagi tahun 2013. Bantuan modal jenis perniagaan makanan merupakan jenis bantuan yang paling banyak diberikan oleh LZS kepada asnaf zakat iaitu sebanyak 927 penerima. Manakala jumlah penerima bantuan modal perikanan dan penternakan adalah seramai 44 orang penerima dan 17 orang penerima. Jumlah penerima bantuan modal pertanian pula adalah seramai 22 orang. Bagi penerima bantuan modal perniagaan

jenis peruncitan, bilangan penerima adalah sebanyak 165 orang. Terdapat tiga sektor perniagaan yang paling popular dalam kalangan asnaf yang menerima dana zakat di negeri Selangor iaitu sektor makanan, perkhidmatan dan peruncitan iaitu seramai 927 orang yang menjalankan perniagaan makanan, 239 orang yang menjalankan perniagaan perkhidmatan dan 165 orang mengusahakan perniagaan peruncitan (Laporan Pengurusan Zakat Selangor, 2013).

Rajah 1: Bilangan Penerima Bantuan Modal Mengikut Jenis Perniagaan di bawah Pembangunan Ekonomi oleh LZS bagi Tahun 2013



Sumber dari : *Laporan Pengurusan Zakat Selangor 2013*

Pada tahun 2011, sebanyak RM2.2 juta telah dibelanjakan oleh LZS bagi menjalankan Projek Usahawan Berkelompok. Antara projek yang dijalankan ialah (Sayifullah Masiron, Temubual, 1 Julai 2013):

- i. Bengkel jahitan - Setiap asnaf yang berada di sini akan diberi latihan terlebih dahulu sehingga mahir sebelum ditugaskan menjahit pakaian untuk dijual atau diedar.
- ii. Pasar rakyat asnaf - Asnaf diberi peluang memasarkan hasil tanaman atau ternakan mereka sendiri. Antara barang yang diniagakan ialah ikan, sayur, ayam, daging, makanan dan minuman.

- iii. Kraf - Merupakan pusat pengumpulan produk dan pemasaran hasil kerja tangan asnaf fakir miskin dan ibu tunggal di bawah LZS.
- iv. Usahawan Lori Bergerak (*Mobile Entrepreneur*) - Para asnaf yang layak akan dibekalkan dengan kemudahan/kenderaan untuk kegunaan berniaga.

LZS giat memastikan asnaf yang berpotensi dalam bidang keusahawanan digilap dengan memberi suntikan modal di samping kursus yang bersesuaian dengan perniagaan yang diceburi. Selain memberi kursus bimbingan, LZS juga telah merangka kaedah pemantauan yang sistematik dan berterusan yang akan dijalankan oleh pegawai-pegawai LZS sendiri di setiap daerah di negeri Selangor. Akan tetapi, masih lagi terdapat kes-kes salah laku dan tidak amanah dalam kalangan penerima dana zakat menerusi program pembangunan ini. Ia berlaku disebabkan oleh kekurangan pegawai pemantau di setiap daerah iaitu pegawai ini juga perlu menjalankan tugas yang lain pada masa yang sama. Tugas utama pegawai-pegawai pemantau ialah untuk memastikan dana zakat yang diberikan tidak disalah guna oleh asnaf yang menerima. Selain itu juga, pegawai tersebut akan mengaudit status kewangan, kelancaran perniagaan, tahap keberhasilan, dan memberi dorongan dan sokongan padu kepada asnaf untuk terus berjuang dalam mengeluarkan diri mereka daripada kepompong penerima zakat (Sayifullah Masiron, Temubual, 1 Julai 2013).

Pengurusan Program Pembangunan Ekonomi Oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) ditubuhkan pada 1 Februari 1974 serentak dengan penubuhan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Penubuhannya adalah bagi menjaga hal ehwal Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang sebelum itu diletakkan di bawah kerajaan negeri Selangor. MAIWP selepas itu turut bertanggungjawab menguruskan hal ehwal umat Islam di Labuan dan Putrajaya setelah kedua-duanya diumumkan sebagai Wilayah Persekutuan masing-masing pada 16 April 1984 dan 1 Februari 2001. Penubuhan MAIWP dinyatakan melalui peruntukan di dalam Perlembagaan Persekutuan dan Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505) (Sejarah

Penubuhan MAIWP, 2014). MAIWP merupakan sebuah institusi zakat yang giat menjalankan transformasi dalam pengurusan pengagihan zakat. Objektif utama penubuhan MAIWP ialah untuk membentuk dan mewujudkan sebuah masyarakat Islam yang dinamis dan progresif yang sentiasa mencari keredaan Allah, memupuk keimanan dan mengukuhkan ukhuwah Islamiah dalam kalangan orang-orang Islam di Wilayah Persekutuan khasnya dan Malaysia amnya bagi mencapai perpaduan ummah, memperbanyakkan usaha-usaha kebajikan dan mencegah kemungkaratan dalam masyarakat Islam, melaksanakan usaha-usaha menambah harta MAIWP melalui pelaburan dan usaha-usaha halal yang lain bagi faedah umat (Laporan Tahunan MAIWP, 2012).

Dana zakat yang dikutip oleh MAIWP diagihkan kepada empat program iaitu program pembangunan sosial, program pembangunan pendidikan, program pembangunan kebajikan dan dakwah, dan program pembangunan ekonomi. Program pembangunan ekonomi yang dilaksanakan memberi peluang kepada asnaf yang proaktif, berminat dan berkelayakan untuk menaikkan taraf hidup dengan menjana pendapatan melalui bidang perniagaan atau keusahawanan. Bantuan ini dilihat mampu memberi impak dalam mengeluarkan mereka daripada kancas kemiskinan.

Bantuan-bantuan yang disalurkan menerusi MAIWP adalah seperti berikut:

1. Bantuan perniagaan

Bantuan ini diberikan kepada asnaf fakir, miskin dan muallaf yang telah memulakan perniagaan secara kecil-kecilan. Bidang perniagaan yang dibantu terdiri daripada bidang peruncitan, perusahaan makanan, restoran, jahitan, bengkel dan kraftangan. Bantuan yang diberikan adalah tidak melebihi RM10,000 dan diberikan sama ada dalam bentuk modal tambahan atau peralatan perniagaan. Antara peralatan perniagaan yang diberikan adalah mesin jahit, peti sejuk beku, peralatan memasak, mesin basuh kedai dobi dan beberapa jenis peralatan yang sesuai dengan permohonan asnaf. Dengan bantuan yang diberikan ini, mereka dapat mengembangkan lagi perniagaan dan menjana pendapatan yang lebih tinggi. Pada tahun 2013, MAIWP telah membelanjakan RM4.3 juta bagi bantuan ini dengan jumlah penerima seramai 881 orang. Jumlah penerima bantuan ini meningkat pada tahun 2013

kerana pertambahan bilangan penerima bantuan berbanding pada tahun sebelumnya.

2. Deposit sewa beli teksi

Bagi membantu pemandu teksi memiliki teksi sendiri, MAIWP menyalurkan bantuan berjumlah RM5,000 bagi pembayaran deposit untuk membeli teksi. Dengan teksi sendiri, mereka tidak lagi perlu membayar sewa kepada pengusaha teksi sebaliknya hanya perlu membayar bayaran ansuran bulanan kepada pihak institusi kewangan. Oleh yang demikian, ia membolehkan pemandu teksi menjana pendapatan bersih yang lebih tinggi antara RM1,200 hingga RM2,000 sebulan. Pada tahun 2013, sebanyak RM1.39 juta telah disalurkan melalui bantuan ini kepada seramai 287 orang pemandu teksi. Jumlah agihan di bawah skim ini menurun disebabkan faktor pembekuan lesen teksi awam oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) pada Jun 2013 hingga Oktober 2013.

3. Bantuan pertanian

Bantuan Pertanian membantu asnaf-asnaf yang terlibat dalam bidang pertanian untuk memajukan lagi perusahaan yang dibuat. Bidang pertanian yang dibantu merangkumi penanaman dan penternakan. Antara bidang pertanian yang diceburi oleh asnaf adalah penanaman cendawan, penternakan ikan, itik dan lintah. Sebahagian daripada asnaf menjadikannya sebagai pekerjaan tetap manakala terdapat sebahagian lagi yang terlibat dalam bidang ini bagi menjana pendapatan sampingan. Bantuan diberikan sama ada dalam bentuk modal atau peralatan tidak melebihi RM10,000. Pada tahun 2013, seramai 15 orang menerima bantuan ini dengan jumlah bantuan sebanyak RM49,330.

4. Analisis Jenis Perniagaan Di Wilayah Persekutuan

Bantuan-bantuan yang dikategorikan di bawah program pembangunan ekonomi memberi peluang kepada asnaf yang proaktif, berminat dan berkelayakan untuk menaikkan taraf hidup dengan menjana pendapatan melalui bidang perniagaan. Bidang perniagaan yang sering diceburi oleh asnaf di Wilayah Persekutuan termasuklah bidang peruncitan, perusahaan makanan, restoran, jahitan, bengkel, kraftangan, perkhidmatan dan pertanian. Bantuan

perniagaan yang diberikan kepada asnaf yang mengusahakan perniagaan iaitu sebanyak RM4.3 juta. Bantuan deposit sewa beli teksi pula diberikan kepada asnaf sebanyak RM1.39 juta dan bantuan pertanian sebanyak RM49,330. Ini menjelaskan bahawa sektor peruncitan, perusahaan makanan, restoran, jahitan, bengkel dan kraftangan ialah sektor perniagaan yang paling diminati oleh asnaf zakat di Wilayah Persekutuan (Laporan Tahunan MAIWP. 2013).

Laporan menunjukkan bidang keusahawanan dalam kalangan asnaf amat diperlukan dan menggalakkan kerana seseorang asnaf amat berpotensi dan mempunyai sifat berdaya saing walaupun mereka adalah daripada golongan asnaf. Walau bagaimanapun, di samping laporan yang menunjukkan kebaikan dalam pelaksanaan program keusahawan asnaf, terdapat permasalahan semasa pelaksanaan program keusahawanan asnaf tersebut.

Permasalahan Pelaksanaan Program Keusahawanan Asnaf

Permasalahan program pembangunan usahawan asnaf di LZS dan MAIWP ini boleh dibahagikan kepada dua sebab utama (Azman Ab Rahman. et.al. 2014). Pertama permasalahan yang berpunca daripada usahawan dan kedua adalah masalah yang berpunca dari Institusi Zakat tersebut. Pertamanya adalah melihat permasalahan yang berpunca daripada diri usahawan itu disebabkan beberapa faktor iaitu (a) bakat usahawan, (b) Motivasi diri usahawan, (c) Penjanaan idea perniagaan dan (d) Sikap usahawan.

1. Bakat Usahawan

Golongan asnaf rata-ratanya terdiri daripada mereka yang tidak mempunyai pendidikan yang tinggi. Mereka mempunyai pendedahan yang minimum atau hampir tidak ada pendedahan langsung dalam dunia usahawan. Justeru itu, bakat mereka dalam dunia perniagaan memerlukan masa yang lama untuk dibentuk. Ada di antara golongan ini hanya menubuhkan perniagaan atas faktor untuk mendapatkan bantuan kewangan tetapi bukan untuk benar-benar menjalankan perniagaan. Oleh itu, perniagaan akan mengalami kegagalan selepas mereka mendapatkan bantuan.

2. **Motivasi Diri Usahawan**

Motivasi diri yang rendah dan kurang keyakinan diri juga antara punca kegagalan dalam program pembangunan usahawan asnaf. Mereka melihat bantuan modal perniagaan ini sebagai satu alat untuk mendapatkan bantuan kewangan jangka pendek semata-mata tanpa melihat peluang jangka panjang untuk keluar dari kepompong kemiskinan. Permasalahan ini juga di lihat berkait rapat dengan permasalahan pertama.

3. **Penjanaan Idea Perniagaan**

Golongan asnaf yang terlibat dalam program ini adalah terdiri daripada mereka yang tidak ada idea dalam perniagaan. Mereka memohon untuk terlibat dalam program ini semata-mata untuk mendapatkan bantuan kewangan. Justeru idea yang diberikan hanyalah semata-mata untuk mendapatkan pinjaman. Akhirnya, matlamat asal program gagal untuk dicapai.

4. **Sifat pinjaman yang tidak perlu dibayar balik**

Bantuan zakat yang diterima merupakan bantuan yang tidak perlu dibayar balik. Ini seterusnya mempengaruhi komitmen peserta dalam menjalankan perniagaan secara bersungguh-sungguh.

Manakala permasalahan yang berpunca daripada institut zakat pula disebabkan tiga faktor iaitu (a) Kekurangan kakitangan, (b) Kekurangan kepakaran, dan (c) Masalah pemantauan.

1. **Kekurangan Kakitangan (Tenaga kerja)**

Kekurangan kakitangan LZS dan MAIWP yang bertanggungjawab secara langsung dalam menjalankan program keusahawanan asnaf menyebabkan kebanyakan aktiviti dijalankan oleh pihak konsultan sama ada daripada sudut latihan, pemilihan dan pemantauan. Kekangan jumlah pekerja yang tidak mencukupi dan bebanan kerja sedia ada yang banyak mempengaruhi keberkesanan hasil kerja LZS dan PUZPP dalam menguruskan

2. **Kekurangan Kepakaran**

Program usahawan memerlukan mereka yang mahir dan berpengalaman dengan bidang perniagaan. Kakitangan hendaklah terlatih dan didedahkan dalam selok belok pelbagai jenis

perniagaan. Kekurangan kemahiran ini menyebabkan kakitangan tidak dapat memberikan khidmat nasihat secara berkesan kepada usahawan asnaf. Khidmat konsultan yang diambil juga bersifat jangka pendek dan gagal memantau perjalanan perniagaan dalam tempoh jangka panjang.

3. Pemantauan

Masalah pemantauan ini berkait rapat dengan permasalahan nombor (1) dan (2). Kekurangan kakitangan dan kepakaran kakitangan dalam bidang usahawan menyebabkan satu kaedah pemantauan yang tersusun dan terancang gagal dilaksanakan. Pemantauan hanya bergantung pada khidmat syarikat konsultan yang dipilih. Berdasarkan temuduga yang diadakan di LZS dan MAIWP mendapati bahawa kedua-dua institut tersebut tidak menjalankan pemantauan yang tersusun dan terancang.

CADANGAN

Modul Latihan Pembangunan Keusahawanan Islam

Kajian ini melihat pemberian zakat berbentuk modal perniagaan adalah satu tindakan proaktif yang telah dilakukan. Ini dapat dilihat pada program pembangunan yang telah dilakukan oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) mahupun Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). Walaubagaimanapun, berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada sampel kajian, masih belum terdapat modul keusahawanan asnaf yang khusus digunakan oleh mereka. Ini disebabkan mereka hanya melantik konsultan tertentu untuk menjalankan program keusahawanan tersebut. Justeru, satu modul perlu dibentuk untuk dijadikan rujukan oleh setiap institut zakat yang ingin menjalankan program keusahawanan asnaf.

Dalam modul latihan pembangunan keusahawanan Islam ini, terdapat empat bahagian yang utama dan sepuluh bahagian pecahan. Bahagian utama yang pertama adalah keinginan untuk menjadi usahawan. Para asnaf yang ingin menjadi usahawan asnaf akan melalui proses pada bahagian ini. Pada bahagian ini, terdapat dua bahagian pecahan iaitu unit mengenal pasti bakat dan potensi diri usahawan asnaf dan unit motivasi muslimpreneur. Melalui bahagian ini, para asnaf boleh meningkatkan potensi diri bagi memulakan perniagaan dan para asnaf boleh meningkatkan motivasi perniagaan mereka melalui

unit motivasi yang terdapat di dalam bahagian ini. Jangka masa bagi bahagian ini adalah tiga hari dua malam.

Bahagian utama yang kedua adalah pembangunan idea perniagaan. Pecahan bahagian bagi bahagian ini adalah unit mengenal pasti peluang tjari, unit menvalidasi idea tjari dan unit kanvas model perniagaan tjari. Bakal usahawan asnaf akan melalui fasa pembangunan idea apabila fasa ini akan mendidik para usahawan asnaf untuk membangunkan idea perniagaan mereka sendiri. Tambahan lagi, usahawan asnaf akan melalui proses mengenal pasti peluang perniagaan dan akan dapat mengetahui jenis setiap peluang perniagaan yang muncul. Jangka masa bagi bahagian ini adalah selama tiga bulan. Kemudian, bahagian utama yang ketiga adalah daripada idea kepada perniagaan. Pada bahagian ini, terdapat unit memulakan perniagaan tjari, unit diagnosis kewangan muslimpreneur dan unit pembiayaan tjari. Bahagian ini akan mendidik para usahawan asnaf dari idea sehingga menjadi perniagaan sebenar. Usahawan asnaf juga akan mengetahui segala pembiayaan yang ada bagi menampung modal permulaan perniagaan. Jangka masa bagi bahagian ini adalah selama tiga bulan. Bahagian utama yang terakhir adalah pengurusan dan perkembangan perniagaan. Dalam bahagian ini, terdapat unit diagnosis dan unit *business coaching* tjari. Proses pemantauan akan dilakukan keatas usahawan asnaf. Proses ini akan mengenal pasti masalah yang timbul daripada perniagaan asnaf dan seterusnya akan memberi cadangan penyelesaian terhadap masalah yang dihadapi oleh usahawan asnaf tersebut. Dalam bahagian ini juga, usahawan asnaf akan dipantau daripada setiap sudut sehingga masa matang perniagaan. Jangka masa bagi bahagian ini adalah tiga tahun.

Aplikasi MyEMA

Aplikasi MyEMA ini merupakan satu inovasi baharu yang direka cipta bagi memenuhi sektor pemantauan. Sistem aplikasi ini akan memudahkan seluruh organisasi pembiayaan dalam memantau aktiviti perniagaan yang telah dibiayai oleh pembiaya mereka.

Keperluan terhadap teknologi semakin hari semakin meningkat dan boleh dikatakan setiap manusia memerlukan kepada penggunaan teknologi. Pada masa yang sama, keperluan terhadap pemantauan prestasi perniagaan juga memerlukan kepada proses yang pantas dan tepat. Proses pemantauan yang cepat memerlukan satu anjakan paradigma seiring dengan kemajuan tekonologi pada masa kini. Bagi

merealisasikan kehendak ini, kajian ini memperkenalkan satu proses pemantauan usahawan menggunakan aplikasi MyEMA.

Penggunaan sistem aplikasi ini adalah untuk memudahkan proses pemantauan terhadap prestasi semasa perniagaan para penerima pembiayaan khususnya modal perniagaan. Penggunaan aplikasi ini merupakan satu tindakan proaktif yang dilakukan untuk menjejak setiap penerima pembiayaan.

Aplikasi MyEMA ini akan mengurangkan kos pengambilan tenaga kerja oleh organisasi pinjaman atau pembiayaan bagi proses pemantauan. Di samping kemudahan pemantauan yang disediakan, aplikasi ini turut menyediakan khidmat nasihat serta penambahbaikan terhadap prestasi perniagaan usahawan yang ditunjukkan. Tambahan lagi, pengenalpastian masalah terhadap sesuatu perniagaan juga akan disediakan sekaligus memudahkan para peminjam untuk menambah baik perniagaan mereka.

Aplikasi ini menggunakan kaedah memantau, mengenal pasti dan membimbing. Apabila hasil pantauan menunjukkan prestasi perniagaan yang kurang memberangsangkan, aplikasi ini dapat mengenal pasti masalah perniagaan yang dihadapi oleh usahawan tersebut. Setelah pengenalpastian dibuat, proses bimbingan akan dilakukan sehingga usahawan tersebut terlepas daripada permasalahan yang dihadapi.

Rajah di bawah menunjukkan beberapa paparan bagi aplikasi MyEMA

Rajah 2: (a) Paparan Depan, (b) Paparan Kandungan (c) Paparan Masalah



(a)

(b)

(c)

KESIMPULAN

Pemberian zakat berbentuk modal perniagaan adalah satu anjakan paradigma yang telah dilakukan. Ini bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup golongan asnaf melalui hasil tangan mereka sendiri. Ini sendiri digalakkan oleh nabi Muhammad SAW untuk berusaha melalui hasil tangan sendiri. Tindakan yang telah dilakukan oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) telah membuahkan hasil, sebagai contoh, golongan asnaf yang telah diberikan bantuan modal perniagaan berjaya mengeluarkan diri mereka daripada kelompok asnaf (Laporan Pengurusan Zakat Selangor, 2013). Pemberian zakat melalui bantuan modal perniagaan telah merancakkan lagi ekonomi bagi golongan asnaf. Justeru itu, pemberian zakat berbentuk modal ini harus diaplikasi ke atas institut zakat di Malaysia yang belum lagi menjalankan program keusahawanan asnaf seterusnya dapat menjadi salah satu program yang dapat mengeluarkan penerima zakat daripada golongan asnaf. Sehubungan itu, diharapkan agar semua institut zakat yang masih belum menjalankan program pembangunan keusahawanan asnaf disarankan untuk menjalankan program tersebut bagi membantu untuk mempertingkatkan lagi ekonomi golongan asnaf seterusnya mengeluarkan mereka daripada kelompok asnaf.

RUJUKAN

- Azman, A.B. et al. 2014. Keberkesanan Program Usahawan Asnaf oleh Institut Zakat Dalam Menginterpretasikan Keharmonian Ummah. *Proceeding of the International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization. 4-5 March 2014, Kuala Lumpur, Malaysia.*
- Lembaga Zakat Selangor (LZS). 2013. Laporan Pengurusan Zakat Selangor. Selangor: Lembaga Zakat Selangor.
- Lembaga Zakat Selangor (LZS). 2013. Laporan Pengurusan Zakat Selangor. Selangor: Lembaga Zakat Selangor.
- Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). 2012. *Laporan Tahunan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan bagi Tahun 2012.* Wilayah Persekutuan : MAIWP.
- Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). 2013. *Laporan Tahunan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan bagi Tahun 2013.* Wilayah Persekutuan : MAIWP.
- Makhtar, A.S. Sinergi Lembaga Pengelola Zakat Dalam Mengurangi Kemiskinan. 2007. *Kertas Kerja Konferensi Zakat Asia Tenggara.* Padang, Indonesia: Dewan Zakat MABIMS Malaysia dan Indonesia.
- Najwa, M.K. et al . 2013. Penjanaan Semula Ekonomi Asnaf: Cadangan Perniagaan Sosial. *Prosiding PERKEM VIII, Jilid 1.*
- Program Asnaf. 2014. Diakses dari <http://www.e-zakat.com.my/program-asnaf/>.
- Salleh, M.S. 1990. *Konsep dan Pelaksanaan Pembangunan Berteraskan Islam.* Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia; Pulau Pinang.
- Salleh, S.M. & Aziz, M.G.C.A. 2011. *Manual Pengurusan Agihan Zakat JAWHAR Dan Cabaran Pelaksanaannya.* Dana Zakat: Wasilah Pembasmian Kemiskinan Asnaf. Seminar Zakat Serantau 2011. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Sejarah Penubuhan MAIWP. 2014. Diakses dari <http://www.maiwp.gov.my/i/index.php/info-korporat/sejarah-penubuhan>.

- Temubual bersama En Muhammad Sayifullah bin Masiron. Pegawai Bahagian Agihan Zakat, Lembaga Zakat Selangor (LZS). 1 Julai 2013. Bilik Mesyuarat LZS.
- William. D.B. et al. 1991. *Theorizing about Entrepreneurship*. Baylor University. Blacwell Publishing Limited.
- Zakaria Bahari. 2011. Transformasi Fakir Miskin Daripada Penerima Zakat Saradiri Kepada Penerima Produktif. Di dalam Salleh. M.S. et. al. (Eds). *Transformasi Zakat: daripada zakat saradiri kepada zakat produktif* (pp.331-364). Pulau Pinang: Pusat urus zakat, MAINPP & Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia.